

Mangsa banjir di Pahang, Kelantan meningkat

KUANTAN - Jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan di Pahang dan Kelantan bertambah pagi semalam berbanding kelmarin.

Di **Pahang**, jurucakap Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pahang berkata, terdapat 297 orang daripada 62 keluarga kesemuanya dari daerah Kuantan ditempatkan di pusat pemindahan berbanding 212 orang kelmarin.

Kawasan yang terlibat adalah Taman Seberang Balok dan Kampung Balok Baru melibatkan 216 orang daripada 44 keluarga yang ditempatkan di Dewan Orang Ramai Balok, Kampung Bukit Palas melibatkan 24 orang daripada enam keluarga yang ditempatkan di Balai Raya Cherating, 33 orang

daripada tujuh keluarga dari Kampung Nyamuk, Balok ditempatkan di Sekolah Agama Rakyat Pantai Balok manakala 24 mangsa daripada lima keluarga lagi dari Kampung Chendor Tengah ditempatkan di Balai Raya Chendor.

Jalan utama di Kilometer 20, Jalan Jerangau-Jabor di sini hanya dibuka kepada kenderaan berat selepas air naik setinggi 0.3 meter.

Jurucakap itu berkata tiada laporan mengenai mangsa banjir di daerah lain di negeri itu.

Di **Kota Bharu**, hujan lebat yang berterusan melanda Kelantan malam kelmarin menyebabkan berlaku peningkatan pemindahan mangsa banjir kepada 376 mangsa pagi semalam berbanding 128

orang kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan berkata, jumlah pusat pemindahan yang dibuka juga bertambah kepada 11 berbanding sembilan sehari sebelum itu.

Beliau berkata, sehingga pagi semalam lima daerah telah terjejas iaitu Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas, Tanah Merah dan Pasir Puteh.

Di **Pasir Mas**, tiga laluan yang ditutup iaitu di Kilometer 3 Jalan Pengkalan Rakit, KM 9 Jalan Pohon Tanjung-Rantau Panjang dan Jalan Pohon Tanjung-Meranti, kesemua ditutup kepada kenderaan ringan manakala di Pasir Puteh, KM 2 Jalan Banir Belikong-Tasik Pauh ditutup kepada semua jenis



ANAK kapal KD Terengganu dari TLDM, Tanjung Gelang membersihkan rumah penduduk termasuk tabika yang dilanda banjir di Taman Seberang Balok, Kuantan semalam.

kenderaan.

Di **Tanah Merah**, laluan yang ditutup kepada kenderaan ringan adalah di KM 1 Jalan Tanah Merah-Kusial-Kampung Ipoh manakala di **Tumpat** membabitkan Jalan Cabang 4/Kampung Jam-

bu/Meranti.

Jurucakap itu berkata, paras air di Sungai Golok kini mencecah 9.9 meter, melebihi paras bahaya 9 meter manakala sungai-sungai utama lain di Kelantan berada pada paras berjaga-jaga.